AR

ALAT KEBESARAN
DIRAJA TERENGGANU

AUGMENTED REALITY (AR)
ALAT KEBESARAN
DIRAJA TERENGGANU





Daulat

Tuanku











YDSM

پایاسن دراج سلطان میزان

يونيۏرسيتي سلطان زين العابدين

UNISZA

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

inspire

Sebagai lambang kedaulatan negeri Terengganu Sultan dan Sultanah mempunyai simbol kedaulatan tersendiri.

Keunikan tersebut dapat dilihat daripada Alat Kebesaran DiRaja Terengganu yang digunakan sewaktu Istiadat Pertabalan dan istiadat-istiadat tertentu.

ALAT KEBESARAN
DIRAJA TERENGGANU

01 Mahkota Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu

02 Mahkota Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Terengganu

03 Mahkota Bersiram

04 Keris Panjang DiRaja Sultan Terengganu

05 Cop Mohor Istana Terengganu

06 Nobat Diraja

01

MAHKOTA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU







Sila Imbas

Mahkota ialah pakaian Ulu Kebesaran Raja-Raja Terengganu yang diperbuat daripada emas bertatahkan permata berlian. Di bahagian tengah mahkota ini terdapat lambang bulan sabit dan bintang pecah lima yang bertatahkan permata.

Manakala di bahagian bawahnya terdapat kain baldu berwarna kuning. Mahkota ini berdiameter 7 inci dengan ukur lilit 22 inci serta berketinggian 4 inci. Mahkota ini pertama kali digunakan semasa istiadat pertabalan Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada tahun 1920.

02

MAHKOTA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU







Sila Imbas

Mahkota yang diperbuat daripada emas putih bertatahkan permata berlian merupakan pakaian ulu kebesaran Raja-Raja Terengganu. Di bahagian tengah mahkota tersebut terdapat lambang bulan sabit dan bintang pecah lima yang bertatahkan permata, menjadikannya sebagai salah satu alat kebesaran Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Terengganu semasa istiadat pertabalan.

03

MAHKOTA BERSIRAM







Sila Imbas

Mahkota Sultan yang juga dikenali sebagai Mahkota Bersiram atau Mahkota Songkok Emas Putih, digunakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan semasa Istiadat Bersiram Tabal. Mahkota ini mempunyai diameter sebesar 7 inci, dengan ukur lilit 22 inci dan ketinggian 4 inci, menambah keindahan dan kemegahan acara tersebut.

04

KERIS PANJANG DIRAJA SULTAN TERENGGANU







Sila Imbas

CAlat kebesaran yang amat dimuliakan adalah Keris Panjang DiRaja. Keris ini ialah alat kebesaran negeri utama dalam istiadat pertabalan sebagai tanda kebesaran dan kekuasaan. Hulu, sampir dan sarung keris ini diperbuat daripada emas berukir bertatahkan permata berlian, delima, zamrud dan nilam biru. Hulu keris ini berbentuk tapak kuda dan di hujungnya terdapat sebutir berlian.

Di bahagian sampirnya terdapat lambang Kerajaan Terengganu. Panjang keris ini dari hulu ke hujung sarung adalah 30.3 inci. Keris ini hanya dibawa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam istiadat-istiadat tertentu sahaja. Ia mula digunakan semasa Istiadat Pertabalan Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada 6 Jun 1949.

05

COP MOHOR ISTANA TERENGGANU









Sila Imbas

Cop Mohor Istana Terengganu merupakan lambang kekuasaan Sultan yang memerintah. Ia digunakan dalam surat menyurat rasmi untuk menunjukkan pengesahan kuasa dan arahan daripada kerajaan. Keluasan permukaan tapak cop mohor ini berdiameter 2.5 inci dan panjangnya ialah 2.4 inci.

06

NOBAT DIRAJA



Boleh dikatakan kebanyakan negeri-negeri Beraja di Malaysia menggunakan Nobat sebagai sebahagian daripada alat kebesaran DiRaja. Demikian juga di Negeri Terengganu, di mana Sultan yang memerintah menggunakan Nobat sebagai tanda dan alat kebesaran Di Raja.

Nobat DiRaja mengandungi sebuah gendang saku dinamakan "Nahara", dua buah gendang nobat, sebatang serunai besar dinamakan "Nafiri", sepasang "Kopak-Kopak", sepasang Ceracik, dan sebatang Serdang.



Sila Imbas

Sebatang serunai nobat adalah diperbuat daripada gading dan di hadapannya daripada perak, dan ceracik daripada tembaga. Ia dipelihara dan dimainkan oleh satu pasukan di bawah seorang ketua atau guru nobat. "Nahara" dan "Gendang Nobat" dimainkan oleh empat orang, mereka berpakaian uniform yang sama.

Lagu - lagu Nobat Terengganu ini diperturunkan secara lisan dan bukannya menggunakan notasi. Orang-orang Nobat Di Raja Terengganu akan menghafal setiap lagu-lagu tersebut didalam ingatan mereka sahaja. Pada asalnya lagu-lagu Nobat Terengganu mempunyai lebih daripada 13 buah lagu tetapi hanya tinggal 9 buah lagu sahaja yang masih kekal hingga kini iaitu:

- Lagu Iskandar
- Lagu Ibrahim Khalil
- Lagu Seri Istana
- Lagu Palu-Palu Melayu
- Lagu Petang Khamis
- Lagu Petang Khamis Perak
- Lagu Petang Jumaat
- Lagu Palu-Palu Negeri
- Lagu Suboh

Mengikut sejarah, setelah kemasukan Nobat DiRaja ke Terengganu pada tahun 1918, Sultan Muhammad II telah meminjam pemain Nobat dari Daik yang tinggal didalam Kepulauan Lingga bagi mengajar lagu-lagu Nobat kepada orang-orang di terengganu dan kemudiannya diperturunkan kepada keluarga tertentu sahaja sehingga kini.

Sehingga kini Keturunan yang bermain Nobat ini adalah dari keturunan Anak Raja Gelugor ataupun anak Raja yang baik-baik. Ada juga sesetengah pemain Nobat ini dari kalangan rakyat biasa yang boleh memalu gendang Nobat. Lazimnya pemain-pemain Nobat ini adalah orang tertentu yang mewarisi kepandaian mereka dari keturunan yang terdahulu.

Penggunaan Nobat selalunya pada istiadat tertentu yang akan dihadiri oleh Sultan yang memerintah. Di Terengganu, Nobat digunakan hanya pada istiadat tertentu seperti Hari Pertabalan, Keputeraan dan Perkahwinan. Kesemua istiadat ini akan berlangsung di Dewan Singgahsana di Istana Maziah, Terengganu.

Semasa berlangsung istiadat ahli-ahli Nobat akan duduk dengan tertib bersama dengan alatan muzik nobat yang diletakkan berhadapan dengan pintu masuk dewan singgahsana dimana keberangkatan masuk Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah ke Singgahsana